Sementara itu, Menteri Muda Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian Sarawak, Datuk Lee Kim Shin ketika mengulas isu berkenaan berharap penangkapan ikan yu secara tidak terkawal dihentikan.

Beliau berkata, ikan yu, khususnya yu paus berpotensi menjadi antara tarikan pelancong datang ke Sarawak.

Mengikut Peraturan-Peraturan Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan Yang Terancam) 1999 ikan yu turut dikuatkuasakan bagi spesies disenaraikan dalam kategori terancam di negara ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/3/2019 | SINAR HARIAN | SENTRAL | 19 |




# 21 nelayan asing ditahan

*Bot dan hasil tangkapan bernilai RM3 juta dirampas*

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Jabatan Perikanan Pahang menahan 21 nelayan warga asing yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan tanpa lesen di perairan Pekan dengan nilai rampasan dianggarkan lebih RM3 juta, kelmarin.

Pengarahnya, Azahari Othman berkata, kesemua nelayan asing itu yang ditahan berusia antara 18 hingga 60 tahun, selepas hampir satu kilometer mengejar sebaik sahaja mereka bertindak melarikan diri.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati lebih dua tan hasil tangkapan yang dipercayai ditangkap dalam masa tiga hingga empat hari di kawasan perairan tersebut.

"Kita dapati pelbagai jenis ikan yang telah disimpan seperti kerapu, bawal, kaci dan ikan merah termasuk sotong serta ikan baja yang dipercayai ditangkap dalam masa tiga hingga empat hari.

"Anggaran nilai rampasan termasuk dua bot laut dalam, hasil tangkapan dan peralatan menangkap ikan bernilai lebih RM3 juta," katanya selepas meninjau bot nelayan Vietnam di Jeti Jabatan Perikanan Pahang Padang Lalang, semalam.

Beliau menjelaskan, bot itu dipercayai sudah



Sebahagian 21 nelayan Vietnam yang ditangkap ketika menangkap ikan tanpa lesen di perairan Pekan.

biasa berada di perairan Pekan bagi tujuan penangkapan ikan berdasarkan rekod perjalanan menerusi alat Sistem Pengesan Kedudukan Global (GPS).

Jelasnya, mereka ini datang dari Vietnam dan menggunakan GPS untuk terus ke perairan Pekan bagi tujuan penangkapan ikan di perairan negeri.

Dalam pada itu, Azahari berkata, kesemua yang ditahan iaitu seorang tekong bersama 20 nelayan kini direman sebelum didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 menangkap ikan di perairan negara.

Beliau berkata, jika disabitkan dengan kesalahan boleh didenda RM100,000 setiap nelayan atau awak-awak dan RM1 juta bagi seorang tekong, bot serta peralatan menangkap ikan dirampas.

Sebelum itu, Azahari berkata, pihaknya menerima aduan dari nelayan tempatan berhubung perkara tersebut.

Katanya, tangkapan bot pukat tunda asing tanpa lesen kelmarin adalah kejayaan pertama pihaknya tahun ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/3/2019 | SINAR HARIAN | SENTRAL | 20 |

# Larangan kutip, jual etak dari Sungai Pahang

**KUANTAN** - Jabatan Perikanan Negeri Pahang semalam memaklumkan larangan mengutip etak di Sungai pahang.

Pengarahnya, Azhari Othman larangan itu berikutan etak menjadi makanan utama ikan Sungai Pahang.

Menurutnya, ia juga bagi melindungi ikan sungai daripada pupus.

"Etak merupakan makanan ikan patin dan temelian. Kekurangan itu akan menyebabkan ekosistem tak stabil.

"Saya harap orang faham sebab apa kita larang kutip etak," katanya kepada Sinar Harian ketika dihubungi semalam.




**Notis larangan mengutip binatang bercengkerang oleh Jabatan Perikan Pahang.**

Dalam pada itu, Azhari berkata, pihaknya kesal kerana ada dalam kalangan masyarakat yang pentingkan diri dengan membawa lori semata-mata untuk mengaut keuntungan.

Menurutnya, penjualan etak di tempat awam dan media sosial dilarang dan tangkapan akan dibuat jika masih ada individu yang berdegil mengutip serta menjual spesies sungai bercengkerang itu.

"Orang ramai dilarang menangkap, memiliki dan menjual spesis moluska seperti etak,remis dan kijing di Sungai Pahang.

"Mereka yang didapati bersalah boleh di denda di bawah Kaedah-kaedah Perikanan (Perairan sungai) 1991 Negeri Pahang - Dengan Perintah Pengarah Perikanan Negeri Pahang," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/3/2019 | HARIAN METRO | SANTAI | 61 |

SANTAI
EDITOR : NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN
TEL : 1-300-22-6787 SAMB: 8269
E-MEL laila@hmetro.com.my



# RUJUKAN KHAZANAH HERBA

Zaitie Satibi
zaitie@hmetro.com.my

Tumbuhan herba secara amnya merujuk kepada semua jenis tumbuhan yang mana-mana bahagiannya sama ada daun, batang, buah, kulit batang, akar, rizom ataupun bunga mempunyai pelbagai kegunaan terutama dalam bidang perubatan serta sebagai rempah ratus masakan.

Kini tumbuhan herba menjadi semakin penting sebagai sumber biodiversiti yang berupaya dikomersialkan dan digunakan dalam memenuhi pelbagai keperluan seperti masakan, ubatan, pewangi, bahan kosmetik serta landskap.

Situasi itu mendorong Jabatan Pertanian membangunkan Taman Herba Bertam seluas kira-kira dua hektar di Kepala Batas, Pulau Pinang bagi memartabatkan industri herba di negara ini, di samping memastikan khazanah alam itu terus terpelihara.

Projek inisiatif itu yang dibuka kepada orang ramai sejak Januari lalu bukan saja menjadi tempat pengumpulan maklumat herba warisan Melayu dan pusat pembelajaran herba dalam meningkatkan kesedaran masyarakat, malah turut boleh dikunjungi seisi keluarga kerana berorientasikan agropelancongan.

> 62&63

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/3/2019 | HARIAN METRO | SANTAI | 62 |



TAMAN Herba Bertam projek inisiatif tingkat industri herba.

# TIDAK PERLU MASUK HUTAN

**Pengunjung Taman Herba Bertam boleh dapatkan pelbagai produk berkaitan termasuk anak pokok herba**

**FOKUS**

DARI MUKA 61

Mengetengahkan pendekatan hab herba dan pengembangan teknologi yang berkonsepkan Santai, Rawat dan Pembelajaran, pengunjung juga boleh mendapatkan pelbagai maklumat untuk rujukan di galeri herba selain dapat menikmati serta menghayati keunikan hutan herba dalam bandar tanpa perlu mengembara jauh ke dalam hutan.

Lebih 300 koleksi spesies herba yang biasa digunakan dalam perubatan tradisional Melayu ditempatkan di pusat janaplasma. Ini antara faktor penarik yang bakal menjadikan Taman Herba Bertam sebagai destinasi agropelancongan yang popular.

Pengunjung boleh mendapatkan pelbagai produk berkaitan herba termasuk anak pokok herba. Taman ini juga menawarkan perkhidmatan rawatan berasaskan herba dan patuh syariah seperti bekam, refleksologi, mandian bunga dan sauna, rawatan lepas bersalin, spa dan salun serta urutan tradisional Melayu.

Selain penumpuan terhadap herba, pengunjung juga boleh mempelajari dan melihat sendiri aktiviti berasaskan kelulut. Terdapat galeri kelulut yang mempamerkan pelbagai maklumat berkenaan penjagaan dan kutipan madu serta jualan madu termasuk produk berasaskan kelulut.

Terdapat pelbagai kemudahan asas disediakan kepada pengunjung seperti tandas, surau dan tempat letak kereta. Bagi menarik perhatian pengunjung muda, taman ini turut menyediakan Dataran Informasi, laman permainan kanak-kanak, laman interaktif dan taman haiwan mini. Malah, terdapat kafe yang menyajikan pelbagai menu berasaskan herba.

Pengarah Pertanian Negeri Pulau Pinang, Mohd Muhaimin Ibrahim berkata, penubuhan taman herba itu selaras dengan hasrat dan wawasan kerajaan yang ingin menjadikan industri herba tergolong dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang berpotensi untuk menjana pendapatan negara.

"Sedar atau tidak, ramai antara kita menggunakan herba dalam kehidupan harian. Melalui taman ini diharap hasrat orang ramai untuk menikmati dan menghargai tanaman, makanan berasaskan herba serta produk herba dicapai.

"Pelaksanaan



> Melalui taman ini diharap hasrat orang ramai untuk menikmati dan menghargai tanaman, makanan berasaskan herba serta produk herba dicapai
>
> **MOHD MUHAIMIN**



PELAJAR belajar kenali pokok herba.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/3/2019 | HARIAN METRO | SANTAI | 63 |

projek ini dijangka dapat menambahkan peluang baru dalam mengembangkan industri herba di negara kita. Orang awam juga dapat menikmati kemudahan yang disediakan dan mendapat manfaat dari segi pembelajaran, khidmat perawatan berasaskan herba, mengetahui maklumat berkenaan penghasilan produk herba dari awal hinggalah terhasilnya produk herba itu sendiri," katanya.

Dalam Taman Herba juga dicadang untuk diwujudkan pusat pengembangan teknologi herba yang menjalankan praktikal berkaitan agronomi tanaman dan juga pembelajaran berkaitan khasiat herba.

Turut disediakan latihan teknologi herba kepada petani khususnya wilayah utara. Pusat pengembangan teknologi ini juga dilengkapi kemudahan bagi mempelajari rawatan dan kaedah tradisional menggunakan bahan berasaskan herba.

"Hingga kini usaha sama Universiti Sains Malaysia (USM) menerusi Pengajian Farmasi dijalinkan bagi menerbitkan maklumat rujukan berkenaan khasiat herba yang terdapat di Taman Herba ini.

"Pihak USM akan memberi maklumat dari segi khasiat dan kegunaan herba yang terdapat di sini sementara Jabatan Pertanian pula akan menambah dari segi maklumat botani serta agronomi," katanya memaklumkan Hari Bertemu Pelanggan bakal diadakan pada 24 hingga 28 April ini.



**PERKHIDMATAN** *spa berasaskan herba untuk kesihatan dan kecantikan.*



**MULA** *dibuka sejak Januari lalu.*

## PROFIL

**WAKTU OPERASI**

**Pejabat**
*(8 pagi-5 petang)*
**Khidmat rawatan**
*(10 pagi-7 malam)*
**Kafe** *(12 tengahari -12 tengah malam)*

**PANDUAN PERJALANAN**

*Jika memandu dari lebuh raya, taman ini terletak 500 meter dari susur keluar Plaza Tol Bertam dan berhadapan Balai Bomba dan Penyelamat Kepala Batas.*



**TAMAN** *permainan kanak-kanak untuk kemudahan pengunjung.*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/3/2019 | BERITA HARIAN | WILAYAH | 58 |



*Nelayan menunjukkan jaring mereka yang rosak ketika tinjauan di sekitar Pengkalan Kelanang, Sungai Langat.*

# Bangkai kren jadi perangkap maut

- Halang trafik maritim, jejas keselamatan

**Oleh Ruwaida Md Zain**
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam**

Bangkai kren besar yang ditinggalkan di Sungai Langat sejak beberapa tahun lalu mengundang bahaya kepada nelayan di sekitar perairan berkenaan.

Tinjauan *BH* di Sungai Langat bermula dari muara Jeti Kampung Kelanang hingga ke Jambatan Kampung Sawah mendapati empat kren bersaiz besar yang sebelum ini berfungsi memunggah besi buruk ke tongkang didapati terbiar dan boleh membahayakan trafik maritim termasuk bot nelayan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kuala Langat, Mat Jaman Haris, yang membawa pemberita sejauh kira-kiranya 10 kilometer pergi dan balik, berkata beliau difahamkan kren berkenaan terbiar di situ selepas ada tuntutan yang belum selesai.

### Halang aktiviti nelayan

Namun, kren terbabit menjadi masalah kepada nelayan yang keluar masuk di situ terutamanya pada waktu malam.



> Kren itu menghalang dan mengganggu aktiviti nelayan dan membahayakan keselamatan nelayan di sebelah malam kerana tidak semua pasang lampu, satu atau dua lampu dipasang"

***Mat Jaman Haris,*** *Pengerusi Persatuan Nelayan Kuala Langat*

"Kren itu menghalang dan mengganggu aktiviti nelayan dan membahayakan keselamatan nelayan di sebelah malam kerana tidak semua pasang lampu, satu atau dua lampu dipasang.

"Jaring kami jenis jaring hanyut, jadi tidak boleh menjaring di situ," katanya.

Malah, katanya, hutan bakau juga rosak, sama ada tercabut atau tumbang ke sungai ekoran tali tambatan kapal dan kapal tunda yang ditambat pada pokok berkenaan.

Beliau berkata, setiap kali air pasang dan surut, tali berkenaan bergerak dan bergesel mengikut paras air dan bukan saja menarik pokok bakau malah menyebabkan tebing runtuh.

### Tompokan minyak

Katanya, pokok yang rosak dan patah itu kemudian dihanyutkan air sungai berkenaan.

Turut kelihatan dalam air sungai berkenaan apabila kami menghampiri Jambatan Kampung Sawah, adalah tompokan minyak berwarna hitam terapung di permukaan sungai.

Tompokan minyak hitam itu dipercayai dibuang dari kapal ke dalam Sungai Langat ketika bot kami menghampiri Jambatan Kampung Sawah.

Selain ketulan minyak hitam, Sungai Langat turut dicemari sampah sarap yang dibuang ke dalam alirannya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/3/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 34 |





MOHD Aseri bersama isteri, Sakiah menyusun buah tembikai yang ditanam mereka untuk dijual di geralnya di Kampung Haji Wan Omar, Semerak.

# Rezeki kemarau

**Petani mampu jual lebih 40 tan tembikai dalam tempoh sebulan**

> "Tembikai ini saya jual dengan harga antara RM1 hingga RM1.60 sekilogram mengikut gred buah-buahan iaitu yang kecil lebih murah dan besar sedikit mahal"
> *Mohd Aseri*

Siti Nor Hidayatidayu Razali
sitinor@nstp.com.my

Pasir Puteh

Musim kemarau kali ini memberi rezeki kepada petani apabila tembikai yang ditanam mereka mendapat permintaan tinggi dan mampu menjual lebih 40 tan buah-buahan itu dalam tempoh sebulan.

Petani, Mohd Aseri Jusoh, 50, berkata, disebabkan cuaca yang agak panas, dia mampu menjual tembikai lebih lima tan sehari di geralnya di kampung Haji Wan Omar, Semerak, di sini.

Katanya, tembikai berkenaan ditanam sendiri di kebun berdekatan dan dijual di geralnya serta kepada pemborong.

"Tembikai ini saya jual dengan harga antara RM1 hingga RM1.60 sekilogram mengikut gred buah-buahan iaitu yang kecil lebih murah dan besar sedikit mahal.

"Alhamdulillah, musim panas ini permintaan terhadap tembikai agak tinggi, namun pengeluaran buah ini di kebun tidak memberangsangkan kerana tanah yang kering.

"Berbanding musim hujan, saya mampu mengeluarkan lebih 60 tan tembikai dalam tempoh sebulan," katanya ketika ditemui.

Bapa kepada lima anak itu berkata, dia bersyukur kerana buah tembikai musim kemarau ini lebih berkualiti dan manis.

Menurutnya, selain tembikai dia turut menanam tembikai susu, timun betik, jagung dan ubi keledek.

Katanya, dia dan isteri, Sakiah Awang Besar, 46, mengutip sendiri tembikai di kebun di samping mengupah beberapa pekerja.

Sementara itu, peniaga, Noryn Ashikin Daud, 19, berkata, dia dan kakak iparnya, Nor Hazliyati Zakaria, 27, mengambil bekalan tembikai dari pekebun di kawasan Bachok dan Pasir Puteh yang dijual secara runcit di kedai serta turut dijual kepada pemborong dari Kelantan, Terengganu dan Pahang.

"Sejak sebulan lalu, saya mampu menjual lebih 60 tan tembikai kerana permintaan yang menggalakkan.

"Faktor cuaca yang panas juga menyebabkan orang ramai membeli tembikai bagi menghilangkan dahaga," katanya.





| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/3/2019 | UTUSAN MALAYSIA | MEGA RONA | 28 |




LADANG Ayoh yang dibangunkan Ahmad Mustapa.



# Tukar bidang jadi penternak

HAMPIR sembilan tahun masa dihabiskan bagi mendapatkan ijazah dalam bidang kejuruteraan mekanikal di Universiti Teknologi Mara (UiTM), namun Ahmad Mustapa, 29, akhirnya memilih penternakan sebagai kerjayanya.

Berbekalan modal sebanyak RM50,000 yang disumbangkan ahli keluarganya, anak muda kelahiran Jerteh, Terengganu itu kini memiliki ladang ternakan lembu yang diberi nama Ladang Ayoh.

*Usahawan*




**Oleh MOHD. AZRAIE MD. YUSOF**
*pengarang@utusan.com.my*


Berkat usaha tidak pernah jemu dan niat sucinya pulang ke kampung untuk menjaga kedua-dua orang tuanya, Ladang Ayoh yang mula beroperasi pada 2016 dengan hanya 12 ekor lembu, kini semakin berkembang dan memiliki kira-kira 30 ekor lembu.

Menyingkap semula keputusannya untuk pulang ke kampung dan melupakan ijazah yang diperolehi, Ahmad berkata, dia nekad berbuat demikian kerana mahu menjaga ibu bapanya yang kurang sihat.

Tambahan pula, dia sememangnya memiliki minat untuk menceburi bidang perniagaan dan penternakan.

"Semasa tahun akhir pengajian di universiti, saya mula mencari peluang dengan menyertai kursus-kursus berkaitan penternakan.

"Habis sahaja pengajian pada 2016, saya terus fokus dengan meluangkan masa selama setahun untuk menyertai sebanyak mana kursus yang boleh.

"Bukan mudah untuk beralih bidang, daripada kejuruteraan kepada penternakan. Banyak yang saya perlu belajar semula," katanya kepada Mega Rona baru-baru ini.



AHMAD MUSTAPA merekodkan lembu-lembu yang ditempah pelanggan untuk dipasangkan tag.





AHMAD MUSTAPA turut membuka gerai menjual daging segar di hadapan Masjid Kampung Tok Dor, Jerteh, Terengganu.

Menurut bapa kepada seorang cahaya mata itu, dia turut berdepan cabaran dari segi modal permulaan, namun urusan itu dipermudahkan apabila mendapat sokongan daripada keluarga dan isteri.

Bagi menjimatkan kos, Ahmad mengambil keputusan untuk membina sendiri Ladang Ayoh yang terletak di Kampung Tok Dor, Jabi, Besut menggunakan barangan terpakai seperti zink dan kayu daripada rumah lama.

Kandang serta stor pemprosesan dan penyimpanan makanan lembu dibina sendiri dengan tulang empat keratnya.

Hanya sesekali dia menggunakan khidmat pekerja luar, itu pun bagi kerja-kerja di luar kemampuannya.

> "Bagi mereka yang masih memandang rendah terhadap kerjaya sebagai petani atau penternak, persepsi itu harus diubah. Bidang ini sebenarnya menjanjikan pulangan yang baik sekiranya ada ilmu dan rajin berusaha."

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/3/2019 | UTUSAN MALAYSIA | MEGA RONA | 29 |



**AHMAD MUSTAPA** bersama lembu yang diternaknya di Ladang Ayoh, Jabi, Besut.

"Sudah pasti ibu dan ayah adalah pendorong terkuat untuk saya menceburi bidang ini, begitu juga dengan adik beradik saya. Mereka memberi sokongan penuh dalam setiap apa yang saya lakukan.

"Isteri turut berkorban sama dan sanggup tinggal berjauhan demi melihat impian saya menjadi penternak berjaya dicapai," katanya.

Memasuki tahun ketiga operasinya, pasaran Ladang Ayoh kini sudah memasuki beberapa daerah di Terengganu dan setiap kali tiba musim perayaan terutama Aidiladha, pendapatan yang diperolehinya mencecah RM100,000.

Malah dengan pencapaian dalam tempoh singkat itu, Ahmad telah dijadikan contoh serta rujukan oleh mereka yang mahu berjinak-jinak dengan bidang penternakan.

Menurut Ahmad, masyarakat terutama golongan belia sepertinya perlu bijak mengambil peluang yang ada walaupun ia mungkin bukan pilihan utama.

"Golongan belia mesti berani untuk menyahut cabaran dalam bidang perniagaan, jangan hanya berfikir untuk kerja makan gaji sahaja.

"Bagi mereka yang masih memandang rendah terhadap kerjaya sebagai petani atau penternak, persepsi ini harus diubah. Bidang ini sebenarnya menjanjikan pulangan yang baik sekiranya ada ilmu dan rajin berusaha," ujarnya.

| Headline | Durian operators form delegation to seek export opportunities in China | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 15 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 294,476 |
| Page No | 19 | Readership | 883,428 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 529 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 16,635 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 49,906 |



### 期盼帶殼冷凍榴槤出口順利通關

# 榴槤業者組團赴華探路

報道 李佩珍

（北京14日讯）随着4和5月中国相关单位将到大马进行榴梿检验以及首相敦马哈迪4月拜访中国，让榴梿业者看到希望，期盼这一次大马带壳冷冻榴梿能顺利输往中国大市场。

大马维护与发展农业协会主席拿督蔡振行表示，其实这些年来各方面都在付出努力，以确保带壳冷冻榴梿能攻进中国大市场，该会也积极看待，更组团到中国拜访中国检科院，彼此保持密切联系，做好品质安全的第一关。

## 中国检科院人员下月来马

他说，中国检科院的人员也会在下个月到大马，前往榴梿园进行实地检测。他是组团到中国拜访中国检科院后，接受记者访问时，这么表示。

该协会及榴梿业代表在本月11日至13日组团到北京的中国检科院交流，以深入了解带壳冷冻榴梿出口中国的基本标准条件，期望尽快获得批准，让大马果王能堂堂正正通关到中国。

一行18人的交流考察团获得了中检国控科技集团有限公司总经理韩瑞等人的接待。随团者包括代表马中商业理事会的刘天球。

参与交流考察团的团员包括隆雪果农公会主席颜旺添、副主席黄运新和理事叶发祥、沙巴农业局顾问陈培北、大马榴梿产业技术与市场协会会长陈文盛和秘书杨建辉、国际标准化组织专家顾问邵一贤和全球农业杂志总编辑刘哲炜。

中国检验检疫科学研究院旗下除了中检国控科技集团有限公司总经理韩瑞，还有中检智科技有限公司副总经理王永贵、行政总监陈刚、主任吴亚君、中检智科技有限公司驻马全权代表崔春潮和助理李子豪。




大马维护与发展农业协会及榴梿业代表组团到北京与中国检科院高层进行交流和讨论大马带壳冷冻榴梿出口中国所面对的问题。前排左四起为李建军、刘天球、韩瑞、崔春潮、蔡振行。

## 种植改革作业须符MyGAP

针对农业及农基工业部拿督部长沙拉胡丁昨日提及中国海关总署会（GACC）将在5月到我国对出口榴梿进行检测，有望年中通关，蔡振行深表欢迎，期望一切水到渠成。

他也呼吁大马榴梿种植业者认真看待此行业种植的改革，必须依据大马和中国出口标准程序，做好一切准备，包括必须要有最基本的大马优良农业认证（MyGAP）和无公害和安全的作业。

蔡振行表示，带壳冷冻榴出口到中国的问题拖了至今多年都未解决，除了国与国之间的协议洽谈，该会认为民间也要努力，因此组成民间力量走出一步，千里迢迢到北京，亲自向中国检科院了解把带壳冷冻榴梿输进中国的条例和标准作业程序，以便种植者都做好全面准备，以及盼望能尽早通关，不要一拖再拖。



↑韩瑞（左）向考察团团员讲解中检科院的行政和管理。右五起蔡振行、刘天球。

他表示，目前只有越南和泰国的带壳榴梿可以直接输进中国，反观大马果中之王却无法堂堂正正踏进中国门槛，这对整个大马榴梿种植业和出口商造成不少的影响。

他也说，随着大财团投资榴梿种植业，以及进行大规划种植，从数百英亩至数千英亩，可以预见未来3年榴梿的产量会大增幅度增加，所以必须确保榴梿能在这3年内成功进军中国，开拓更大市场，也避免榴梿产量过剩。

此外，刘天球表示，据他了解，目前大财团在吉兰丹投资榴梿种植占地1500英亩、柔佛有2000英亩、劳勿3000英亩等等，大家都看准榴梿的潜能无可限量，所以必须确保榴梿能早日出口，否则将打击投资信心。

## 李建軍：契合『一帶一路』締雙贏

在交流会上，中智科技有限公司总经理李建军表示，依托该院品牌、行业资源和旗下的公司平台，马中商务理事会及相关协会的影响力，围绕促进马中榴梿等农产品贸易开展工作，契合"一带一路"合作倡议，实现双方经济打造双赢。

他表示，大马榴梿出口中国的标准规格包括榴梿真伪鉴别、精准溯源和食品安全检测等。

"所谓榴梿真伪鉴别，就是榴梿品种分类，比如猫山王榴梿的认别，避免把其他品种当成猫山王价格售卖。"

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/3/2019 | STAR METRO | EVENTS | 7 |

# Farming sanctuary for investors

## 5,100 trees add to allure of homestead development in Bentong

BINA Puri Holdings Bhd through its subsidiary Karak Land Sdn Bhd launched an expanse development with the farming community in mind.

The 650ha The Valley@Bentong with a gross development value of RM152.7mil is 3.5km away from Karak town, an hour's drive from Kuala Lumpur and two hours to Kuantan.

The Valley aims to create a farming community by offering an agriculture-based concept of farming and homesteads.

Bina Puri group executive director Datuk Matthew Tee said The Valley@Bentong is divided into four development zones.

The first zone known as "The Kerau" with Phase 1 and 2 consists of homestead development, including a clubhouse and main infrastructure works with total development of 242ha area.

The name was adopted from Sungai Kerau which flows through the land, giving access to fresh mountain water.

"We purchased the land back in 2013 and our soft launch for Kerau Phase 1 was initiated in December 2016 with 158 lots.

"We achieved more than 70% sales within six months.

"Due to the overwhelming response, we subsequently decided to open Phase 2 comprising 138 lots for sale with prices starting at RM5.88 to RM8.09 psf," said Tee.

"Besides the homestead development, we have also allocated approximately 121ha for cash crops and durian plantation for zone 2.

"Phase 1 is in good progress with 2,600 trees planted and we planted 2,500 trees in Phase 2.

"The first harvest is expected within five to six years.

"And finally, for zones 3 and 4, we sold 175.2ha leasehold land and the balance land of 134.7ha will be reserved for future development," said Tee.

The Valley, nestled between tourists hotspots and durian orchards, especially the likes of Musang King, is expected to become one of the most sought after developments in Karak due to its proximity to Kuala Lumpur.

All of these factors will encourage city folk to create their home away from home, providing an enriching lifestyle and enabling residents and owners to enjoy the fruits of their labour.

The launch was attended by Primary Industries Minister Teresa Kok, Bentong MP Wong Tack, Bina Puri chairman Tan Sri Wong Foon Meng and Bina Puri group managing director Tan Sri Tee Hock Seng.

Other special guests were Sabai assemblyman Kamache Doray Rajoo, Bilut assemblyman Lee Chin Chen and Ketari assemblyman Young Syefura Othman.

Bina Puri has successfully completed projects such as roads and highways, bridges and interchanges, waterworks, land reclamation works, residential and commercial buildings, hotels, hospitals, airports and government complexes.

The company's notable list of investment portfolios include the 33km toll highway linking the Kuala Lumpur and Kuala Selangor Expressway, Main Place Residence and Mall at USJ 21, and power plants in Indonesia.




(From left) Kok, Tee, Wong Tack, Foon Meng and Kamache.



| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kelvin Yii: Sarawak fishing boat expected to return today | | |
| MediaTitle | See Hua Daily News (Kuching) | | |
| Date | 15 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 64,990 |
| Page No | A14 | Readership | 194,970 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 99 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,110 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 3,330 |



印尼水警砂海域扣17人

## 俞利文：將獲釋放

# 砂漁船料今返砂

[illegible]

Powered by: isentia